

Najib puas hati kelancaran projek

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak, semalam menzahirkan rasa puas hati terhadap kelancaran perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Sungai Buloh-Kajang (Laluan SBK).

Perdana Menteri berkata, beliau dan keluarga berkesempatan mencuba sendiri tren fasa kedua MRT yang akan beroperasi sepenuhnya mulai 17 Julai ini, petang kelmarin.

“Secara keseluruhannya, saya berpuas hati dengan infrastruktur bertaraf dunia jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang yang dibangunkan dan diusahakan ribuan anak tempatan sejak 2010.

“Kepada semua yang terlibat, berbanggalah dengan pencapaian anda, imbas kembali segala pengorbanan tenaga, masa beristirahat bersama keluarga dan sahabat handai. Inilah hasil keringat dan air mata anda! Saya sendiri amat bangga dengan anda semua,” kata Perdana Menteri menerusi catatan di laman rasmi najib-

brazak.com, semalam.

Najib berkata, dalam tinjauan itu beliau turut ditemani rakan dalam talian beliau.

Menurutnya, kelancaran perkhidmatan MRT menidakan dakwaan penduduk terutama di kawasan bandar bahawa projek MRT ini yang

bermula sejak 2010 ini akan menjejaskan kawasan setempat.

“Ternyata perkara ini tidak benar sama sekali apabila kini ramai rakyat kita menerima manfaat,” katanya.

Najib turut menegaskan visi beliau melihat sistem pengangkutan moden yang bukan sa-

ja boleh menghubungkan seluruh kawasan Lembah Klang, Kuala Lumpur dan Putrajaya, tetapi sebuah sistem yang boleh digantung harap tahap kecekapannya.

“Tahukah anda, tren kita mempunyai kadar frekuensi tinggi iaitu 3.3 minit pada waktu puncak untuk setiap tren dan berupaya menampung kapasiti 1,200 orang pada satu masa?” katanya.



NAJIB